


# — AGENDA — KETAHANAN NASIONAL MALAYSIA



59,5  
GE

Penyunting

• Abdul Rahman Abdul Aziz • Mohd Azizuddin Mohd Sani



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA




TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

# — AGENDA — KETAHANAN NASIONAL MALAYSIA

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

DARIPADA

INSTITUT PEMIKIRAN  
TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA





# — AGENDA — KETAHANAN NASIONAL MALAYSIA

*penyunting*

**Abdul Rahman Abdul Aziz  
Mohd Azizuddin Mohd Sani**

Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad  
Universiti Utara Malaysia, Sintok  
2011

PUSTAKA PERDANA



1011058



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

ISBN 978-983-44865-8-7

Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad  
Universiti Utara Malaysia  
06010 UUM Sintok  
Kedah Darul Aman

© 2011 Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad, Universiti Utara Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Perpustakaan Negara Malaysia      Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Agenda ketahanan nasional Malaysia / penyunting Abdul Rahman Abdul Aziz,

Mohd Azizuddin Mohd Sani.

ISBN 978-983-44865-8-7

1. National security--Malaysia. 2. Malaysia -- Politics and government.

3. Malaysia -- Social conditions. 4. Malaysia -- Economic aspects. I.

Abdul

Rahman Abdul Aziz. II. Mohd Azizuddin Mohd Sani.

959.5

959.5  
ACC



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

# KANDUNGAN

---

<i>Prakata</i>	vii
<i>Senarai Penyumbang</i>	ix
<b>Bab 1</b>	
<b>JENAYAH DAN ISU PEMERDAGANGAN ORANG DI KALANGAN WARGA ASING</b>	<b>1</b>
Mohd Bakri Mohd Zinin	
<b>Bab 2</b>	
<b>CIRI-CIRI PERLU ADA BAGI MENCAPAI KETAHANAN YANG CEMERLANG DALAM SESEBUAH ORGANISASI</b>	<b>13</b>
Shaharudin Ismail	
<b>Bab 3</b>	
<b>PERUBAHAN GENERASI DAN PERKEMBANGAN DEMOKRASI DI MALAYSIA PASCA PILIHAN RAYA UMUM KE-12</b>	<b>31</b>
Mujibu Abd Muis, Badrul Azmier Mohamed@Bakar, & Zaliha Hj Husin	
<b>Bab 4</b>	
<b>DARURAT DI TANAH MELAYU: PERISTIWA DAN PENGAJARAN UNTUK GENERASI MASA KINI DALAM KONTEKS KETAHANAN NASIONAL</b>	<b>59</b>
Zulhilmi Paidi & Rohani Hj Ab Ghani	
<b>Bab 5</b>	
<b>RUKUN NEGARA MEMPERKUKUHKAN KETAHANAN NASIONAL</b>	<b>79</b>
Abdul Rahman Abdul Aziz	
<b>Bab 6</b>	
<b>KESANTUNAN BAHASA DALAM KALANGAN PELAJAR IPT: SATU KAJIAN PERBANDINGAN ETNIK</b>	<b>93</b>
Yusniza Yakub, Faizah Ahmad, & Nasariah Mansor	



## PRAKATA

---


Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala dengan limpah dan izin-Nya, Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad dapat mengeluarkan buku ini yang bertajuk **Agenda Ketahanan Nasional Malaysia**. Buku ini terhasil daripada koleksi pembentangan kertas kerja di **Seminar Ketahanan Nasional: Pengurusan Politik dan Dasar Di Malaysia** anjuran Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 13-15 Julai 2010 bertempat di Langkawi, Kedah.

Agenda ketahanan nasional merupakan satu perkara penting dalam pembentukan sebuah negara bangsa. Ketahanan negara perlu dilihat dari aspek luar dan dalam. Perdana Menteri Malaysia ketiga, Tun Hussein Onn pernah menekankan bahawa Malaysia boleh mewujudkan keharmonian seandainya mampu menguruskan empat perkara utama yang saling berkaitan antara satu sama lain. Perkara ini adalah **politik, ekonomi, perpaduan, dan keselamatan**. Tun Hussein percaya bahawa seandainya salah satu daripada empat perkara ini tempang, maka negara akan berada dalam keadaan tidak stabil. Negara ibarat organisma tidak lagi boleh hidup dalam dunianya sendiri. Negara hari ini perlu mempunyai hubungan dengan negara lain, tetapi konteks hubungan ini hendaklah dilihat dalam keadaan menang-menang dan menghormati kedaulatan negara lain. Dunia tanpa batasan hari ini memperlihatkan kedaulatan dan keselamatan sesebuah negara sering diceroboh dalam pelbagai bentuk dan rupa, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Justeru, penekanan dan kefahaman mengenai ketahanan negara harus disebarluaskan agar warganya bukan sahaja memahami pentingnya ketahanan sesebuah negara bahkan mampu menyemai semangat patriotisme yang akhirnya mampu memacu merealisasikan aspirasi negara, menjadi sebuah negara maju.

Justeru, saya bagi pihak Institut merakamkan terima kasih kepada para penyumbang artikel dan juga mereka yang terlibat dalam penghasilan buku ini. Harapan saya, penerbitan buku ini mampu memberi sumbangan kepada dunia ilmu dan menjadi rujukan untuk semua lapisan masyarakat.

### Pengarah

Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad  
Universiti Utara Malaysia, UUM Sintok.



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

## **SENARAI PENYUMBANG**

---

### **Profesor Dr. Abdul Rahman Abdul Aziz**

Pengarah Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad/Profesor di College of Law, Government and International Studies, Universiti Utara Malaysia.

### **Badrul Azmier Mohamed@Bakar**

Pensyarah di Jabatan Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi, Universiti Teknologi MARA, Kedah.

### **Faizah Ahmad**

Pensyarah di College of Arts and Sciences, Universiti Utara Malaysia.

### **Dato' Seri Mohd Bakri Mohd Zinin**

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis DiRaja Malaysia, Bukit Aman.

### **Mujibu Abd Muis**

Pensyarah di Jabatan Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi, Universiti Teknologi MARA, Kedah.

### **Nasariah Mansor**

Pensyarah di College of Arts and Sciences, Universiti Utara Malaysia.

### **Dr. Rohani Hj Abd Ghani**

Pensyarah di College of Arts and Sciences, Universiti Utara Malaysia.

### **Shaharudin Ismail**

Pensyarah di Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan.

### **Yusniza Yakub**

Pensyarah di College of Arts and Sciences, Universiti Utara Malaysia.

**Profesor Dr. Zaliha Hj Husin**

Pengarah Kampus, Universiti Teknologi MARA Kedah/Profesor di Jabatan Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi, Universiti Teknologi MARA, Kedah.

**Zulhilmi Paidi**

Pensyarah di College of Arts and Sciences, Universiti Utara Malaysia.

*\* Jawatan dan jabatan penyumbang adalah semasa Seminar on National Resilience 2010.*

# Bab 1

## JENAYAH DAN ISU PEMERDAGANGAN ORANG DI KALANGAN WARGA ASING\*

Mohd Bakri Mohd Zinin

---

### PENDAHULUAN

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT di atas limpah kurnia dan izin-Nya kita dapat bersama-sama hadir di *Seminar On National Resilience (SNAR)* pada pagi yang penuh ceria dan indah ini.
2. Sebelum saya meneruskan ucapan pada pagi ini, izinkan saya terlebih dahulu merakamkan rasa bangga dan gembira saya kerana diberi penghormatan untuk berkongsi dengan hadirin sekalian isu yang menjadi topik perbincangan yang hangat sejak kebelakangan ini iaitu isu pemerdagangan orang.
3. Sebagaimana yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, Polis Diraja Malaysia (PDRM) memikul tugas dan tanggungjawab yang amat mencabar di dalam memastikan keselamatan dan keamanan negara Malaysia terpelihara dan terjamin. Setiap hari masyarakat didedahkan dengan berita mengenai jenayah sama ada ia berbentuk jenayah kekerasan mahupun yang berkaitan dengan harta benda. PDRM akan terus memikul tugas yang berat ini serta akan memastikan ia kekal relevan sebagai Pasukan Penguatkuasa Undang-Undang utama negara, selaras dengan peranan yang termaktub di bawah Seksyen 3(3) Akta Polis 1967, iaitu:

---

\*Ucap Utama yang disampaikan oleh Yang Dihormati Dato' Seri Mohd Bakri Mohd Zaini, Ketua Pengarah, Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman semasa Seminar Ketahanan Nasional: Pengurusan Politik dan Dasar Di Malaysia, anjuran Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad, di Bayview Hotel, Langkawi, pada 14 Julai 2010.

- i. Memelihara Undang-Undang Dan Ketenteraman Awam.
  - ii. Mengekalkan Keamanan Dan Keselamatan Persekutuan.
  - iii. Mencegah Dan Mengesan Jenayah.
  - iv. Menangkap Dan Mendakwa Penjenayah.
  - v. Mengumpul Risikan Keselamatan.
4. Selain daripada menghadapi jenayah berbentuk konvensional seperti samun, bunuh, ragut, pecah rumah dan seumpamanya, skop peranan PDRM kini berubah apabila sempadan dunia semakin tipis dengan wujudnya globalisasi atau dunia tanpa sempadan. Ini telah mewujudkan trend baru dalam perlakuan jenayah melibatkan jenayah rentas sempadan atau jenayah transnasional merangkumi penyeludupan senjata api, dadah, kenderaan serta perjudian.
  5. Perkembangan ini tidak terhenti di situ kerana kini trend jenayah rentas sempadan semakin parah dengan berkembangnya aktiviti pemerdagangan orang yang semakin membimbangkan.
  6. Pemerdagangan orang atau apa yang juga dikenali sebagai sistem perhambaan cara moden merupakan salah satu jenayah terancang yang melanggar hak asasi dan etika masyarakat. Manusia diperniagakan seolah-olah suatu komoditi yang boleh dijual beli dan dieksploitasi di pasaran.
  7. Pemerdagangan orang merupakan industri jenayah yang pantas dan terlaris di dunia dengan keuntungan tahunan mencecah antara 5 hingga 42 bilion dolar Amerika (USD\$5 - USD\$42 bilion). Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menganggarkan hampir 2.5 juta manusia dari 127 buah negara telah diperdagangkan di seluruh dunia.
  8. Usaha untuk menangani aktiviti pemerdagangan orang bukanlah sesuatu yang mudah kerana jenayah ini begitu komplikated dan semakin sofistikated. Sindiket pemerdagangan orang begitu licik dan sentiasa berusaha melindungi aktiviti mereka, mengelakkan diri daripada disiasat, apatah la diambil tindakan undang-undang.




**UUM**  
Universiti Utara Malaysia

INSTITUT PEMIKIRAN  
TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD  
Universiti Utara Malaysia  
06010 UUM Sintok, Kedah, Malaysia.  
Tel : (04) 928 4008 / 4010 Faks : (04) 928 4005  
E-mel : [ipdm@uum.edu.my](mailto:ipdm@uum.edu.my)  
<http://www.ipdm.edu.my>

ISBN 978-983-44865-8-7



9 789834 486587



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA